

Wakaf madrasah demi saham akhirat

Usahawan Bumiputera sanggup belanja RM4j bina Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin

MUAR - Atas kesedaran yang tinggi untuk berjihad ke jalan ALLAH, seorang ahli perniagaan tekad membelanjakan sebahagian hartanya dengan mewakafkan sebuah pusat tahfiz kepada Majlis Agama Islam Johor (Maij) bagi melaksanakan projek bersama Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pemilik syarikat pengangkutan bas ekspres Mayang Sari Sdn Bhd, Datuk Azman Mohd Arof berkata, kesanggupan beliau untuk membelanjakan sehingga RM4 juta bagi pembinaan projek Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin di Bukit Pasir, Muar di sini, kelmarin.

"Saya berpegang kepada sabda Rasulullah SAW, ba-

rang siapa yang membelanjakan sebahagian hartanya ke jalan ALLAH, dia tidak akan jatuh miskin. Malah saya teringat juga sabda Baginda mengenai amalan yang tidak akan putus walaupun seseorang itu telah meninggal dunia.

"Perancangan untuk mewakafkan sebahagian harta ini sememangnya sudah lama terlintas sejak mula menceburi bidang perniagaan kira-kira 27 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam program Kerjasama Wakaf antara Maij dan IASWJ dengan Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin di Bukit Pasir, Muar di sini, kelmarin.

"Tujuan ia diwakafkan adalah bagi merealisasikan projek kerjasama Maij dan IASWJ dalam melaksanakan sistem Jaminan Kualiti



Azman (duduk, tengah) menandatangani perjanjian wakaf madrasah sambil diperhatikan Abdul Razak (diri, tengah) dan Nooh (berdiri, dua kanan).

Tahfiz Johor (JTQA) di mana Madrasah Tahfiz Al-Quran Al-Mutaqqin akan menjadi madrasah pertama di negara ini yang mempunyai pengiktirafan sedemikian.

"Saya terfikir sekiranya

saya terus uruskan sendiri pusat tahfiz ini, apakah saya boleh memastikan hala tuju pelajar selepas mereka tamat pengajian kelak kerana saya tidak mahu mereka habis setakat itu sahaja. Jadi peranan

JTQA terhadap madrasah ini sememangnya bertepatan," katanya.

Sementara itu, Pengarah IASWJ, Profesor Datuk Dr Abdul Razak Omar berkata, JTQA yang terletak di bawah

bidang kuasa Maij, akan dipantau pihaknya selaku badan pelaksana terhadap sistem berkenaan.

"Kolej Pengajian Islam (Marsah) diberi tanggungjawab untuk memastikan sistem tersebut mengikut piawaian ditetapkan dari segi kurikulum, pengurusan fasiliti serta kewangan.

"JTQA berperanan memastikan setiap pusat tahfiz di negara ini mempunyai modul yang selaras dan tidak mengikut acuan sendiri sehingga pelajar gagal mendapatkan hala tuju selepas tamat pengajian," katanya.

Majlis berkenaan turut dirasmikan penasihat Maij, Datuk Nooh Gadut serta dihadiri Mufti Johor, Datuk Md Tahrir Samsudin dan Timbalan Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad.